

MSO
MOHD SAYUTI OMAR



PENJARA
BUKAN
PUSARA

ANWAR IBRAHIM
PM YANG DIDAMBAKAN



**PENJARA
BUKAN
PUSARA**

**ANWAR İBRAHİM
PM YANG DIDAMBAKAN**

PENJARA BUKAN PUSARA

ANWAR IBRAHIM
PM YANG DIDAMBAKAN

MSO

MOHD SAYUTI OMAR



PUSTAKA PERDANA



1012039

PENJARA BUKAN PUSARA

ANWAR IBRAHIM PM YANG DIDAMBAKAN

© Mohd Sayuti Omar
TM/BP/01-19(52)

Penerbit
TINTA MERAH (000825823-V)
55, Jalan Wangsa Siaga 1,
Wangsa Melawati,
53300 Kuala Lumpur.

Perpustakaan Negara Malaysia

Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Mohd. Sayuti Omar, 1960-

PENJARA BUKAN PUSARA : ANWAR IBRAHIM PM YANG DIDAMBAKAN /
MOHD SAYUTI OMAR.

ISBN 978-983-9032-51-2

1. Anwar Ibrahim, Dato' Seri, 1947-.
2. Politicians--Malaysia.
3. Political parties--Malaysia.
4. Malaysia--Politics and government.

I. Judul.

923.2595

Cetakan Pertama
Ogos 2019

Hakcipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian daripada kandungan dalam apa juga bentuk dan dengan apa cara sekalipun sama ada secara fotokopi, rakaman, elektronik, mekanik atau lain-lain sebelum mendapat kebenaran bertulis daripada penerbit.

Font: Aboobe Caslon 12/16 pt

Rekabentuk Kulit/Aturhuruf
Fadhlan Rahim

Pencetak

Percetakan Majujaya Sdn Bhd,
68, 14E, Ampang New Village,
68000 Ampang,
Selangor Darul Ehsan.

74

923.2595
1MSO

Dedikasi

“Sesuatu yang akan berlaku esok tidak dapat ditentukan hari ini sehingga kita berada di hari esok yang bernama hari ini.”



- Muhammad Al Ahnaf, Muhammad Al Fateh, Muhammad Khalif Umbar dan Muhammad Harith Umbar.

*Untuk cucunda-cucundaku,
semoga dalam perlindungan Allah sepanjang masa.*

Salam Penerbit	viii
Pembuka Bicara	xii

BAHAGIAN SATU

Siapa tokoh pilihan saya untuk jadi perdana menteri?	2
Syarat dikenakan kepada Dr Mahathir perlu dimansuhkan	16
Pakatan Harapan makin mantap	22
Akhirnya Azmin akui gagal jinakkan Pas	29
Nurul Izzah tidak perlu lari dari Lembah Pantai	35
BN tidak boleh selesa dengan persempadanan baru	43
Panji PH diangkat di Pasir Gudang demi bina semula kubu Bentayan di Muar	46
Setelah lima hari kempen BN, Pas & PH sama berpeluang	55

BAHAGIAN DUA

Salahuddin: Siswa universiti Kelantan yang berjaya	64
Pertembungan Rafizi - Azmin sulitkan kedudukan Anwar	74
Pas perlu muktamadkan kerjasama dengan Umno	82
Ulang tahun ke-3 Amanah, hebat tetapi cacat	88
Amanah parti masa depan dan cabarannya	95
Bersatu tidak perlu takut terima ahli Umno	104
Pas Vs Sarawak Report: Versi yang diluar kotak fikir	112
Saman Sarawak Report, Hadi terperangkap?	123
Kemana lagi Pas hendak lari?	132
Bergabung: Umno - Pas lakukan <i>Harakiri</i>	139

BAHAGIAN TIGA

Kunjungan serampang dua mata terhadap Dr Mahathir?	148
Kenapa harus curigai MP Umno sertai Bersatu?	156
Gelora politik Sabah timbulkan beberapa implikasi	162
Apa yang Izzah mahu?	169
Penjelasan Anwar buka apa yang terbias di hati	172

Mengenang sejarah 2018, menanti harapan tahun 2019	181
Singa tua yang letih dan singa muda yang agresif	189

BAHAGIAN EMPAT

Kemenangan PH adalah milik semua orang	200
Percayai Dr Mahathir, jangan cepat melatah	203
Memaknakan kemenangan, mengertikan perjuangan	210
Anwar: Dari penjara ke istana, penjara bukan pusara	217
Anwar tidak tergoda dengan panggilan syaitan	223
Jangan ganggu dahulu kerajaan Harapan	230
Dr Mahathir kena jelaskan maksud pergerakan Anwar	235
Perlu bijak membaca dan layan mesej Dr Mahathir	240
PH jangan pandang remeh keputusan pilihan raya Sg. Kandis	243
Dr Mahathir beri isyarat ada bau busuk mengenai Pakatan Harapan	247
Jangan sampai lokomotif kehabisan bahan bakar	252
Dua perkara perlu disegerakan kerajaan PH	259
Peringatan buat Anwar, lengkapkan tesis sejarahnya	263

BAHAGIAN LIMA

Mencari tangan dicurigai disebut Anwar	270
Bila Pak Lebai ketuk pejabat Perdana Menteri	273
Pengakuan Hadi cermin perpecahan dalam Pas?	280
Antara Hadi & Anwar: Dr Mahathir lebih percaya siapa?	285
Hadi, Mat Hassan alatkan Dr Mahathir untuk singkir Anwar?	294
Anwar, Husam & Mustapa perlu kemaskan kabinet Dr Mahathir	299
Video lucu Haziq: Yang terjempit kini Dr Mahathir?	308
Anwar jadi PM: Jangan sangsikan Dr Mahathir	314
Membaca formula Husam dalam peralihan kuasa kerajaan PH	320
Isu video lucu Haziq hanya Dr Mahathir boleh selesaikan	329
Penutup I	337
Penutup II - <i>Stop Press</i>	349

Salam Penerbit

Penerbitan buku ini adalah kesenimbangan penerbitan buku-buku politik tulisan Mohd Sayuti Omar (MSO). Buku ini adalah buku penulis yang ke 53 merupakan buku pertama beliau untuk tahun ini. Walaupun penerbitan buku-buku politik di era ledakan media sosial ini sudah berkurangan, namun kami masih istiqamah menerbitkan buku seumpama. Kami juga cuba memenuhi permintaan segelintir pembaca yang masih menggemari dan memerlukan buku bercetak seperti ini untuk tujuan tertentu.

Bertolak dari rangsangan dan permintaan agar kami teruskan penerbitan ini, itulah memungkinkan buku ini diterbitkan dan berada ditangan anda. Jika hendak dikira atau mengharapkan keuntungan, menerbit buku-buku politik di kebelakangan ini tidak menguntungkan. Namun soal itu tidak diperhitungkan demi untuk menambahkan khazanah disamping meneruskan kerja kami dianggap sebagai jihad.

Mengenai buku ini, ia merupakan himpunan terpilih beberapa catatan dan artikel MSO yang disiarkan atau dimuatkan dalam blognya, *msomelayu@blogspot.com* (Merah Tinta) sepanjang tahun 2017/18 serta beberapa tulisan terkini pada tahun ini. Sebanyak 48 buah catatan dan artikel dipilih yang ada kaitan dengan isu dan perkembangan hari ini, dihimpunkan.

Buku ini dibahagikan kepada lima bahagian. Pertama tulisan dan catatan MSO sebelum berlangsungnya Pilihan raya umum ke-14. Dalam bahagian ini catatan berupa maklumat awal sebelum pilihan raya, yang dicatat hasil pengembaraan MSO meninjau suasana politik di seluruh negara. Segala maklumat itu diberi ulasan kemudian membuat ramalan mengenai kerajaan UBN akan tumbang.

Perhatian utama MSO sebagai indikator pilihan raya umum lalu ialah, perkembangan di Johor yang dianggap sebagai pencetus kepada gelombang meruntuhkan kerajaan BN. Johor sebagai negeri menjadi kubu kuat Umno dilihat oleh MSO sebagai bermasalah. Pintu kubunya terkopek dan keadaan itu membahayakan Umno. Justeru MSO meletakkan kemusnahan kubu itu menjadi penyebab kepada jatuhnya kerajaan UBN berusia 61 tahun.

Bahagian kedua, kritikan atau pun ulasan terhadap tokoh-tokoh politik dan juga parti politik utama dimana mereka adalah pemain utama dalam pilihan raya itu. Selain Anwar Ibrahim, Dr Mahathir Mohamad, tokoh-tokoh seperti Salahuddin Ayub, Husam Musa, Mohamad Sabu, Dr Wan Azizah Wan Ismail dan Muhyiddin Yassin adalah "pemain" utama. Manakala dipihak BN pula, MSO meletakkan Najib Razak dengan isu skandal 1MDB adalah liabiliti kepada BN.

Manakala bahagian ketiga, catatan pasca berlangsungnya pilihan raya umum ke-14. Bahagian ini dikira penting dan menjadi pelengkap kerangka kepada buku ini kerana penulis membuat beberapa pandangan dan kritikan konstruktif kepada kerajaan PH. Misalnya isu yang dikumpulkan dalam bahagian ini berhubung permasalahan dihadapi kerajaan PH setelah menang khususnya tentang konsensus, mengenai penjawat jawatan PM seterusnya.

Seperti umum tahu konsensus itu dipersetujui oleh peringkat Majlis Presiden bahawa Dr Mahathir akan menjadi PM selama dua tahun kemudian ia akan diserahkan kepada Anwar Ibrahim. Apakah konsensus ini akan ditunaikan?

Penulis cuba memberi gambaran kesan dan implikasi sekiranya konsensus itu tidak ditepati. Dengan berani penulis memberi peringatan, sekiranya Dr Mahathir tidak cuba menepati atau cuba mengelak daripada melaksanakan konsensus itu ia bakal menimbulkan masalah kepada kerajaan PH. Masalahnya serius, kemungkinan menyebabkan kerajaan PH akan hancur.

Penulis tidak sangsi kepada Dr Mahathir untuk menunaikan konsensus itu tetapi mempunyai perasaan skeptikal kepada sesetengah pemuka dalam kerajaan PH dengan sikap ditunjukkannya serta ada segelintir “parasit” mengelilingi Dr Mahathir dan juga Anwar dengan tujuan ingin mencuri tempat.

Justeru penulis memberi nasihat kepada individu-individu terbabit langsung dengan konsensus berkenaan, khasnya Dr Mahathir dan Anwar serta pihak yang cuba mengambil kesempatan, parasit menjadi penghasut.

Di bahagian keempat dan kelima ia menghimpunkan catatan dan artikel mengenai *prediction* penulis kepada masa depan parti Pas dan Umno yang kini sedang bergerak untuk bergabung. Penulis memberi pandangannya sendiri, mengenai agenda penggabungan itu. Walaupun ia sesuatu yang baik, tetapi bagi penulis dilihat ada masalah lain yang mungkin dihadapi oleh kedua parti itu. Subjek inilah menjadikan isu penggabungan Umno – Pas itu menarik untuk dihayati.

Apa pun yang menjadi roh dan syariat kepada buku ini ialah Pembuka Bicara dan Penutup Bicara (*Stop Press*). Isu atau mauduk yang dibincang dalam segmen ini adalah satu



pandangan baru yang belum diperkatakan. Kedua-dua bab inilah menjadi dasar kepada buku ini dan rahsia yang cuba diungkai dan dihuraikan dalam penerbitan ini.

Dalam bab pembuka bicara penulis menghuraikan mengenai pengharapan rakyat kepada Anwar Ibrahim. Penulis memberi gambaran kemunculan Dr Mahathir dikira tidak dapat menyelesaikan masalah PH terutamanya menunaikan apa yang dijanjikan. Bagi penulis apa yang penting melakukan reformasi politik dan sistem pentadbiran ditunggu rakyat, menunggu Anwar menjadi PM.

Bagaimana pun seperti kontradik pula pembuka bicara dan penutupnya, dimana penulis mendedahkan sesuatu yang tidak patut dan harus berlaku kerana apa yang disebut sebagai episod atau naratif baru politik Malaysia itu boleh memberi kesan buruk. Kalau agenda itu tidak dibendung, ia boleh memusnah agenda rakyat yang ditempa selama ini.

Seperti biasa kepada pembaca yang terus memberi sambutan kepada buku-buku terbitan kami diucapkan berbanyak terima kasih. Tanpa sokongan anda budiman semua, siapalah kami. Sokongan, kepercayaan anda semua menjadi pendorong buat kami untuk terus menerbitkan buku seperti ini bagi dijadikan bahan dan dokumen sejarah. Buku ini mungkin tidak penting waktu ini tetapi ia akan dinilai untuk masa-masa depan kelak.

Selamat membaca.

TINTA MERAH.

Kuala Lumpur,

20 Julai, 2019.

Pembuka Bicara

MENANTI DETIK BERSEJARAH



*Selawat dan salam ke atas Nabi Muhammad S.A.W,
para sahabatnya, kepada ayah ibuku dan guru-
guruku. Syukur Alhamdulillah dengan taufik dan
hidayah serta sir dan tajalli-Nya dapat saya siapkan
buku ini.*

BILAKAH Anwar Ibrahim akan mengangkat sumpah sebagai Perdana Menteri? Dan apakah Anwar berkesempatan untuk jadi Perdana Menteri atau pun tidak? Inilah dua pertanyaan yang menyendaki dan melantai minda umum. Pertanyaan ini sudah jadi satu pertanyaan klasik yang tetap diminati. Pertanyaan ini penaka lagu-lagu P. Ramlee, walaupun sudah berdekad

tetapi tetap diudarkan.

Begitu pun mereka yang alergik dengan Anwar telah lama membiarkan pertanyaan ini tidak terjawab dan tidak perlu pun dilayani. Malahan sudah dianggap tidak relevan lagi selepas Anwar dipecat daripada Umno dan jawatan Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan. Sebaliknya mereka yang mengharapkan Anwar muncul menjadi PM tetap bertanya dan pertanyaan itu hidup dan berarak dalam benak mereka sepanjang masa.

Pertanyaan ini bukan baru tetapi ia muncul sejak lebih 20 tahun lampau. Apabila Anwar sudah berada di tangga kedua dalam hierarki, selaku TPM tahun (1993), pertanyaan itu sudah pun terpenggung di kepala umum, khususnya mereka yang mengagumi perjuangan Anwar, meletakkannya sebagai pemimpin masa depan Malaysia. Mereka yang menjadikan Anwar sebagai idola dan pemimpin futuristik, berdoa siang malam agar Tuhan mengangkatnya ke tempat yang diimpikan itu.

Tidak perlu lagi disebut dan dihurai panjang kenapa pertanyaan itu terpenggung buat Anwar. Kenapa Anwar yang diharap dan diperjuangkan untuk menjadi PM. Kenapa tidak orang lain? Walhal bukan sedikit tokoh-tokoh politik di negara ini yang juga boleh diletakkan dikedudukan itu. Ramai. Mereka juga tidak kurang dari segi latar belakang pendidikan dan juga azam dalam politik, boleh diserahkan untuk memegang jawatan ini. Jika boleh disebut nama-nama seperti Ghazali Shafei, Abdul Ghafar Baba, Tengku Razaleigh Hamzah dan Musa Hitam, adalah nama-nama yang boleh dicalonkan untuk jadi PM lebih awal daripada nama Anwar. Ghafar dan Musa sudah pun berada di tangga TPM.

Tetapi kenapa Anwar menjadi pilihan? Inilah yang dikatakan “nur” yang ada kepada presiden Parti Keadilan Rakyat (PKR) itu. Anwar bermaksud cahaya. Cahaya itu tidak pernah padam walaupun beliau berada dalam situasi bagaimana sekali pun. Kehebatan Anwar menggerakkan perjuangan yang bukan sahaja diperkatakan di dalam negara, tetapi terjangkau ke seantero dunia menjadikan beliau lebih ke depan berbanding tokoh-tokoh *versatile* tadi.

Walaupun harapan Anwar akan menjadi PM selepas Dr Mahathir Mohamad, muncul sejak beliau dilantik menjadi TPM, tetapi sebenarnya harapan itu terpantul awal daripada itu lagi. Anwar sudah diimpikan suatu masa menjadi pemimpin utama. Bakat, kebolehan, kredibiliti serta komitmennya dalam perjuangan meletakkan beliau di tempat itu. Bakat dan kehebatan dari *track record* perjuangan ini dilihat oleh sesiapa sahaja, baik musuh atau mereka yang terpegun dengannya. Dr Mahathir sendiri nampak bakat dan wibawa yang ada kepada Anwar. Bahkan Allahyarham Tun Abdul Razak juga nampak keistimewaan yang dimiliki putera Cheruk Tok Kun ini. Razak mengenal pasti dan melihat sifat “keHang Nadiman”, Anwar sewaktu beliau menjadi pemimpin mahasiswa era 70-an.

Tun Razak dan Asri tertarik dengan Anwar.

Semasa Tun Razak Hussein mengadakan satu majlis di rumahnya, dimana semua anggota kabinet dan pegawai tinggi kerajaan dipanggil, beliau telah memesan kepada Ibrahim Abdul Rahman, ayah Anwar agar membawa Anwar sama. Ayahnya ketika itu Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan. Tujuan Razak ialah untuk



beliau dalam Umno sempat setakat menjadi Timbalan Presiden Umno dan merangkap Timbalan Perdana Menteri (1998) dan Menteri Kewangan sahaja. Kedudukan dan kesempatan itu tidak membawa beliau sampai ke akhir seperti direncanakan.

Beliau gagal mengapai itu apabila dilintasi oleh dua tokoh lain yang tidak pernah pun dibayangkan akan menjadi PM, apa lagi sewaktu beliau masih kuat menjadi pujaan ramai tokoh itu tidak pun disenaraikan.

Dalam sorak sorai dan paluan gendang, Anwar akan mengambil alih tempat Dr Mahathir itu, tiba-tiba Abdullah Ahmad Badawi menjadi PM ke-5. Mungkin kemunculan Abdullah itu masih dikira relevan jika diukur dari segi usia dan senioriti. Abdullah lebih tua berbanding dengan Anwar. Beza usia mereka lapan (8) tahun. Tetapi kehadiran Mohd Najib Razak selepas Abdullah menjadi PM ke-6 itu benar-benar memberi pukulan kepada Anwar. Najib bolehlah dianggap sebagai anak buah Anwar dalam Pergerakan Pemuda Umno. Masa Anwar jadi ketua, Najib jadi timbalan. Usia Najib jauh lebih muda, bezanya enam (6) tahun dengan Anwar. Ini mengejutkan seluruh orang yang mengimpikan Anwar untuk jadi PM. Mungkin inilah dikatakan politik sesuatu *game* yang sukar dijangka. Anwar dilintasi dua orang, dan ia juga dianggap sebagai hukum karma kerana beliau sendiri melintasi dua tokoh lain yang layak dan juga bercita-cita untuk menjadi TPM; Tengku Razaleigh dan Ghazali Shafei.

Kejadian dan takdir itu semua orang dapat faham. Ia adalah nasib politik dan jawatan TPM yang tidak dapat disukat dan dijangka. Kemalangan menimpa Anwar dan menyebabkan beliau terlepas jawatan itu, semuanya kerana

peristiwa dan tragedi 3 September 1998, pemecatannya daripada Umno dan jawatan TPM. Krisis atau perbalahan dengan Dr Mahathir yang membawa pemecatannya 21 tahun itu merombak dan menghancurkan segala-galanya. Peristiwa itu bukan sahaja mengecewakan orang dan penyokong Anwar tetapi seluruh orang yang mengimpikan beliau untuk menjadi PM. Ini termasuk rakyat marhaen, petani, nelayan, penoreh, golongan mahasiswa dan termasuknya teknokrat dan birokrat. Bagi mereka peristiwa itu yang bukan sahaja berakhir dengan pemecatan tetapi dengan pemenjaraan Anwar. Ini tambah menyedukan. Ia seolah-olah memadamkan unggun api harapan rakyat untuk melihat Anwar menjadi PM selepas Dr Mahathir. Tidak perlu diungkit peristiwa tersebut kerana kita semua sudah maklum dan ianya terbungkus dalam lipatan sejarah.

Anwar tidak pernah mati.

Walaupun dilintas oleh dua tokoh, yang menjarakkan hampir 10 tahun, tetapi ia tidak mematikan harapan rakyat yang mahukan Anwar menjadi PM. Anwar sendiri tidak rasa teralat dengan apa yang berlaku. Beliau tetap yakin dan bersemangat meneruskan perjuangan. Sebenarnya tidak terfikir macam mana Anwar mampu menggerakkan cita-citanya untuk mara ke gerbang jawatan PM setelah meringkuk dalam penjara. Beliau di penjara bukan sekali, tetapi dua kali. Kali pertama (1999) dan kali kedua (2015). Beliau terpaksa menghabiskan masa selama hampir 10 tahun dalam penjara akibat fitnah itu.

10 tahun bukan masa pendek. Ia cukup untuk mematikan langkah perjuangan seorang pejuang. Bagi mereka yang tidak mempunyai semangat juang yang kukuh,

PENJARA BUKAN PUSARA

ANWAR IBRAHIM PM YANG DIDAMBAKAN

TM TINTA
MERAH

PERJALANAN Anwar Ibrahim untuk sampai ke Putrajaya sungguh memenat dan memeritkan. Ia memakan masa terlalu lama serta cukup mencabar meskipun jaraknya tidak begitu jauh. Laluannya menjadi sulit dan sukar disebabkan ia ditaburi duri dan onak. Lantaran tribulasi itu juga menyebabkan ada rakan dan temannya mengaku kalah, berundur, hanya tinggal yang cekal, gigih dan setia sahaja.

Segala cabaran dan halangan itu dicipta demikian rupa dengan satu nawaitu untuk membunuh jiwa jihadnya, sekaligus memadamkan obor Reformasi. Namun itu tidak pernah mengugah hati dan perasaannya. Cabaran dan halangan itu sebaliknya menjadi waja dan pupuk ampuh buatnya melangsungkan perjuangan.

Apa mengkagumkan, kandatipun beliau diasingkan daripada rakyat dengan disembunyikan di sebalik "tirani", namun beliau masih bisa menggerakkan perjuangan. Pesan-pesan perjuangannya menerobos tembok penjara dan sampai ke telinga dan hening di sukma rakyat. Selama hampir 10 tahun berada dalam penjara beliau memimpin gerakan Reformasi dari dalam, akhirnya mencapai kejayaan 9 Mei 2018. Itulah kehebatan dan itulah kekeramatan Anwar, dan sebab itulah PENJARA BUKAN PUSARA buatnya.

Meskipun sudah lulus segala cabaran dan ujian namun jalan ke Putrajaya tetap masih bersimpang siur. Disaat kita menghitung beliau akan tiba dalam masa kurang dua tahun setelah tumbangnyanya kerajaan kleptokrasi BN, namun ada pula halangan "mengetikkan" apabila rakannya sendiri cuba menggagungnya untuk terus maju.

Apakah Anwar akan sampai ke destinasiya itu demi rakyat? Meskipun ada jawaban antara kita, tetapi ia tetap menjadi tanda tanya yang mendebarkan. Namun berfirasat atas keyakinan semangat gigih beliau selama ini, Insya-Allah Anwar akan sampai juga ke laman Putrajaya untuk mengangkat sumpah sebagai Perdana Menteri.


Sesiapa pun tidak dapat menafikan hajat itu kerana Anwar adalah PM yang didambakan.

ISBN 978-983-9032-51-2



9 789839 032512

SEM. RM38 S/S RM42



Nama MSO atau Mohd Sayuti Omar tidak asing lagi dalam dunia penulisan buku politik. Beliau telah menghasilkan 52 judul buku politik semasa. Selain menulis buku, menjadi blogger, MSO juga sering kali muncul di media elektronik dan internet apabila pandangan dan pendapatnya diperlukan bagi mengulas sesuatu isu. MSO seorang yang tetap berpendirian bebas dan punya prinsip tersendiri.

msomelayu.blogspot.com [f](#) Mohd Sayuti Omar [t](#) Mohd Sayuti Omar